

SEORANG penduduk membersihkan runtuhannya rumahnya akibat gempa bumi di Nepal baru-baru ini.



PENDUDUK tempatan melewati beberapa kawasan terjejas selepas gempa bumi di Bhaktapur, Nepal.



WARIS mangsa mengenal pasti ahli keluarga mereka yang terkorban akibat gempa bumi.

Dibayangi mayat bergelimpangan

Kosmo
13/5/2015
m/s 22-23

Wartawan Bernama di New Delhi, M. Santhiran berkongsi pengalamannya menyaksikan kemusnahan yang berlaku di negara yang tersohor dengan Gunung Himalaya akibat gempa bumi yang melanda pada 25 April lalu.

PERKARA pertama yang terbayang di minda apabila menyebut Nepal pastinya banjaran Himalaya dengan puncak tertingginya, Everest dan askar-askar Gurkha yang gagah berani.

Sejak tiba di New Delhi, India pada bulan Februari lalu, penulis sememangnya terfikir untuk ke Nepal, sekurang-kurangnya pada akhir tahun ini atau awal tahun hadapan.

Bagaimanapun, impian penulis untuk ke Nepal tercapai lebih awal apabila ditugaskan untuk membuat liputan kejadian gempa bumi dengan kekuatan 7.9 pada skala Richter melanda negara itu yang menyebabkan lebih 7,000 orang maut dan hampir 15,000 lagi cedera.

Malah, ketika penulis menulis

artikel ini di ibu negara Nepal, Kathmandu Ahad lalu, penulis dapat merasakan gegaran akibat susulan gempa bumi.

Gegaran itu sama seperti yang penulis alami di New Delhi. Memandangkan Jabatan Pengarang *Bernama* di Kuala Lumpur tidak dapat menghubungi pemberita sambilan, Yuba Nath Lamsal untuk membuat laporan keadaan selepas gempa bumi, penulis diarahkan melaksanakan tugas itu.

Bagaimanapun, bukan mudah untuk sampai ke sana. Perkara pertama yang penulis lakukan adalah menguruskan dokumen perjalanan dengan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi pada kadar segera.

Kemudian, penulis perlu menukar wang ke mata wang Nepal atau Amerika Syarikat (AS) dan ia bukan kerja yang mudah.

Di Lapangan Terbang

Antarabangsa Indra Ghandhi di Delhi, pengurus wang enggan menukar rupee India kepada mata wang Nepal atau AS dengan menjadikan dasar kerajaan sebagai alasan.

Bahkan, ada pegawai lapangan terbang yang memberi amaran bahawa rupee India bernilai 500 rupee dan 1,000 rupee secara umumnya tidak diterima di Nepal.

Bukan itu sahaja, penerbangan Delhi ke Kathmandu tertangguh selama dua jam. Apabila penerbangan berlepas, masa untuk sampai ke sana bukannya satu jam 15 minit tetapi penerbangan pada 29 April mengambil masa dua jam setengah untuk mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Tribhuvan.

Kelewatan berpunca daripada cuaca buruk dan trafik udara yang sesak. Pihak berkuasa Nepal memberi keutamaan kepada kapal terbang yang membawa pekerja penyelamat dan bekalan keperluan.

Beberapa minit sebelum mendarat, penulis sempat menjenguk ke luar tingkap untuk melihat pemandangan Kathmandu. Apa

yang penulis nampak berbeza sekali dengan laporan media. Sebahagian besar bandar itu kelihatan tidak terjejas dengan bencana gempa bumi.

Di lapangan terbang, keadaan begitu sibuk dengan pekerja di landasan memunggah berton-tan bahan makanan dan perubatan.

Di balai berlepas, begitu ramai penumpang mungkin beberapa ribu jumlahnya semakin terdesak mahu meninggalkan bandar itu.

Penulis mendapat tahu, ada yang sudah menunggu di lapangan terbang hampir 24 jam untuk menempah penerbangan.

Kukuh

Di balai ketibaan, ratusan sukarelawan dari setiap pelosok dunia menunggu bagasi mereka dan kelulusan daripada pihak berkuasa Nepal untuk dihantar ke lokasi mencari dan menyelamatkan.

Hampir dua jam baru penulis dapat bagasi dan kemudiannya menerima maklumat perkembangan terkini daripada kaunselor Fadli Adilah mengenai nasib rakyat Nepal yang terkandas di Nepal. ▶▶

FOTO: ASMARUDDIN JAMALUDDIN



APARTMEN tujuh tingkat atau *sattale ghar* antara bangunan yang runtuh di Kapan, Nepal.



ORANG ramai bermalam di kaki lima Lapangan Terbang Antarabangsa Tribhuvan Kathmandu, Nepal.

◀ Sewaktu persinggahan singkat itu, penulis sempat bercakap dengan beberapa orang rakyat Malaysia tentang pengalaman yang menakutkan meskipun mereka berada kira-kira 200 kilometer di Pokhara dan Lumbini ketika gegaran gempa bumi itu berlaku.

Apabila penulis tiba di kawasan yang musnah akibat gempa bumi, empat hari selepas bencana itu berlaku, keinginan untuk tahu perkara sebenarnya dan usaha menyelamatkan semakin membuak-buak.

Sepanjang perjalanan sejam dari lapangan terbang ke Thamel Street, penulis lihat kebanyakan bangunan dan rumah nampak masih kukuh.


Hanya beberapa buah bangunan usang rosak tetapi di sepanjang jalan terdapat ratusan khemah yang dijadikan tempat perlindungan.

Dengan beberapa patah perkataan Hindi yang penulis fahami, pemandu teksi memberitahu, penduduk di situ terlalu takut untuk berada di dalam bangunan pada waktu malam.

Penulis juga berhati-hati mencari hotel untuk bermalam dan hanya menempah bilik selepas memeriksa beberapa hotel jika ada keretakan, seperti yang dinasihatkan kakitangan kedutaan. Jarum jam ketika itu sudah menunjukkan pukul 9 malam.

Di dalam bilik hotel tidak ada bekalan air manakala tandas tidak boleh digunakan. Penulis juga tidak dapat menghubungi ibu pejabat

Kadar kematian akibat gempa bumi Nepal



Penulis yang memang keletihan kembali ke bilik dan mungkin terlelap kira-kira sejam sebelum terjaga daripada tidur.

Jarum jam menunjukkan pukul 3.45 pagi dan penulis terdengar bunyi bising datang dari hotel di sebelah. Penulis menjenguk dari tingkap dan melihat ramai orang di jalan raya.

Muram

Penulis diberitahu berlaku susulan

Info

Nepal

Ibu negara: Kathmandu
Bahasa rasmi: Nepali
Kerajaan: Republik
Mata wang: Rupee
Keluasan: 147,181 kilometer persegi
Populasi: 29 juta orang

buah rumah.

Kebanyakan mangsa kini berlindung di kawasan pergunungan yang tidak mempunyai jalan utama sehingga menyebabkan bantuan sukar untuk disalurkan.

Sebahagian daripada mereka hanya bergantung antara satu sama lain dan tidak berusaha untuk mendapatkan bantuan melalui operasi menyelamat besar-besaran yang dilakukan oleh agensi dari luar negara ketika ini.

Menurut seorang anak kelahiran dari kampung Sindhupalchowk, Bhupendra Dhangal, 47, bencana tersebut merupakan yang terburuk setakat ini. Selepas kejadian tersebut, dia bersama rakannya memutuskan untuk ke Sindhupalchowk dengan menaiki trak bagi membabitkan diri dalam usaha-usaha membantu mangsa.

"Ia tidak adil bagi kami untuk membiarkan warga kampung kelaparan pada saat kami mampu untuk membantu," ujar Dhangal. Di sebuah bandar lama di Sankhu, lokasi Paru Shrestha membina rumah baharunya, asap daripada upacara pengebumian mayat sebelum ini masih berarak melalui atap kediamannya yang runtuh.

Anggaran 120 orang dari sekitar bandar yang terkorban telah disempurnakan mayat mereka dalam satu upacara agama Hindu.

Badan kebajikan tidak putus-putus menyediakan sajian makanan

Bernama untuk memaklumkan penulis sudah berada di Nepal kerana ketiadaan perkhidmatan Wi-Fi percuma atau hubungan internet.

Sejam kemudian, penulis keluar dari bilik hotel untuk mencari makanan dan terpaksa berjalan kaki sejauh kira-kira dua kilometer sebelum berjumpa dengan sebuah gerai makanan.

Penulis diberitahu, sebelum berlaku gempa bumi, jalan itu paling sibuk dengan pelancong tetapi kini ia menjadi sunyi sepi.

Walaupun hanya dapat membeli nasi kosong dan telur dadar, itu sudah memadai untuk mengisi perut yang lapar.

Selepas makan penulis berjalan pulang ke hotel dan sempat berbual dengan beberapa pekerja hotel, bertanyakan pengalaman mereka

Penulis berasa sedih kerana sabutan gegaran dengan kekuatan 5.1 pada skala Richter. Menjelang Ahad sewaktu penulis menulis artikel ini, terlalu banyak berlaku gegaran susulan.

Lima hari pertama di sini, apa yang boleh penulis lihat hanyalah kemusnahan, jasad bergelimpangan, upacara pembakaran mayat secara besar-besaran dan gelandangan.

Setiap malam apabila penulis cuba melelapkan mata, gambaran inilah yang muncul di minda penulis.

Penulis mengambil kesempatan mengunjungi kuil tersohor kurun ke-15, Pasubathinath, kuil yang mesti dikunjungi bagi penganut agama Hindu yang datang ke Nepal.

Bagaimanapun, suasana di persekitaran kuil agak muram kerana di halaman kuil berhampiran sungai Bishnumati, ratusan mayat

upacara agama Hindu. Pada keesokan harinya, penulis melihat kemusnahan besar-besaran di pinggir Kathmandu dengan ribuan orang kehilangan tempat tinggal.

Ketika itu juga penulis berasa betapa bernasib baiknya rakyat Malaysia yang dapat tinggal di negara yang tidak banyak ditimpa bencana alam. Sementara itu, agensi berita *AFP* melaporkan, kejadian gempa bumi yang berlaku di Nepal telah menjejaskan lapan juta daripada 28 juta penduduk di sana. Sekurang-kurangnya tiga juta keperluan seperti khemah, bekalan air, makanan dan perubatan diperlukan untuk tempoh sehingga tiga bulan. Bencana tersebut juga telah memusnahkan hampir 519,000

percuma dan membuka klinik mini. Askar Nepal pula membantu mangsa mendapatkan semula harta mereka yang tinggal di sekitar kawasan kediaman yang musnah.

Kini, ramai penduduk yang terdiri daripada jiran Sherestha mengenang nasib yang menimpa diri mereka dan memikirkan tentang masa depan.

“Jika kami tidak dapat membina semula rumah, kami akan dipindahkan,” kata Madan Sherestha, 35, yang merupakan penjual buku dan tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Paru. Kebanyakan warga Nepal tidak mampu untuk merobohkan rumah mereka apatah lagi membina yang baharu.

“Kami memerlukan lebih banyak bantuan dari seluruh dunia,” jelasnya. – Bernama

Pembangunan semula Nepal dua tahun

“PIHAK kerajaan akan cuba membangunkan semula bangunan awam, jalan raya, sekolah, hospital, kemudahan telekomunikasi dan kolej yang musnah dalam tempoh dua tahun ini,” kata Perdana Menteri, Sushil Koirala pada satu usul pada sidang parlimen di negara itu baru-baru ini.

Tambahnya, pihak kerajaan akan menyediakan pinjaman sehingga AS\$25,000 (RM89,875) dengan faedah serendah dua peratus untuk pembinaan dan baik pulih rumah persendirian.

Pengumuman tersebut dilakukan berikutan gempa bumi terburuk sejak 80 tahun lalu yang melanda negara

berkenaan pada 25 April lalu.

Sekurang-kurangnya 7,903 orang telah terbunuh dan hampir 18,000 penduduk mengalami kecederaan serta lebih daripada 541,000 bangunan musnah

Pihak kerajaan juga memaklumkan bahawa kos untuk fasa pertama pembangunan semula akan mencecah AS\$2 bilion (RM7.2 bilion) dan setakat ini dana sebanyak AS\$200 juta (RM719 juta) telah diasingkan bagi tujuan tersebut.

Selebihnya pihak kerajaan telah membuat permohonan kepada negara-negara asing, agensi bantuan



KOIRALA

dan penduduk di Nepal sendiri untuk menyumbangkan dana bagi melaksanakan usaha tersebut.

Menurut Koirala, pihak berkuasa akan menyediakan kos sebenar pelaksanaan pembangunan semula setelah tahap kemusnahan seluruh negara ditentukan.

Kerajaan Nepal juga telah merancang untuk mengadakan perjumpaan dengan penyumbang dana dalam masa terdekat untuk memohon bantuan bagi pembangunan semula negara berkenaan.

Jumaat lalu, kumpulan kecemasan

masih berusaha untuk menyalurkan bantuan kepada penduduk di kawasan komuniti terpencil melalui udara dan darat untuk memastikan mereka mendapat bekalan makanan dan perlindungan mencukupi berikutan musim monsun yang bakal tiba

Pihak berkuasa akan menyediakan tempat perlindungan sementara di bangunan untuk penduduk yang tidak mahu untuk kembali ke kediaman mereka.

Perdana Menteri juga turut memberitahu, bangunan sejarah, monumen dan tempat beribadat pula akan dibangunkan dalam tempoh lima tahun akan datang.